

# HARI RAYA MENURUT ISLAM

## PENDAHULUAN

**H**ari Raya Aidilfitri merupakan hari yang sangat ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam. Ia juga dikenali sebagai Hari Raya Puasa, Hari Raya Fitrah dan Hari Lebaran. Sambutan hari raya merupakan kemenangan besar bagi umat Islam setelah sebulan bermujahadah melawan nafsu dan melaksanakan amal ibadah dengan tekun pada bulan Ramadan. Oleh itu, seluruh umat Islam di dunia meraikan kemeriahan bulan Syawal sebagai menzahirkan kesyukuran kepada Allah ﷻ. Walaupun begitu, meraikan hari raya Aidilfitri juga merupakan satu ibadah jika ia dilaksanakan dengan betul dan mengikut sunnah Nabi Muhammad ﷺ.

## PENGERTIAN HARI RAYA AIDILFITRI

Hari Raya Aidilfitri atau dalam bahasa arabnya (عيد الفطر) mempunyai maksudnya yang tersendiri. Eid (عيد) bermaksud

kembali manakala fitri (فطر) bermaksud fitrah yang mana membawa maksud “kembali kepada fitrah”. Fitrah di sini menunjukkan kepada asal kejadian manusia yang suci bersih daripada dosa iaitu seperti bayi yang baru dilahirkan. Oleh itu, hari raya Aidilfitri sememangnya perlu disambut dengan kegembiraan bagi meraikan kembalinya kita kepada fitrah. Jika kita bersungguh-sungguh memohon keampunan dengan mendekati diri kepada Allah sepanjang bulan Ramadan, kita akan dianggap seperti bayi yang baru dilahirkan. Justeru itu, kita mestilah menyambut hari raya dengan mengikut kerangka ibadah.

## SUNAT-SUNAT HARI RAYA

### 1) MANDI SUNAT HARI RAYA

Antara mandi sunat yang biasa diamalkan oleh Rasulullah ﷺ ialah mandi sunat hari raya sebelum keluar menunaikan solat sunat hari raya. Berdasarkan hadis riwayat al-Baihaqi :

"سَأَلَ رَجُلٌ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ الْغُسْلِ،

قَالَ : اغْتَسِلْ كُلَّ يَوْمٍ إِنَّ شِئْتَ " فَقَالَ : لَا،

الْغُسْلُ الَّذِي هُوَ الْغُسْلُ قَالَ : يَوْمَ الْجُمُعَةِ،

وَيَوْمَ عَرَفَةَ، وَيَوْمَ النَّحْرِ، وَيَوْمَ الْفِطْرِ".

Maksudnya : Ali bin Abi Thalib رضي الله عنه pernah ditanya mengenai mandi. "Adakah diharuskan mandi setiap hari?" Beliau menjawab: "Tidak harus melakukannya. Namun, mandi yang diharuskan ialah mandi pada hari Jumaat, hari Arafah, hari Aidiladha dan Aidilfitri." – Hadis Riwayat al-Baihaqi.

## 2) MENJAMAH MAKANAN SEBELUM KELUAR

Berbeza dengan Hari Raya Aidiladha, Hari Raya Aidilfitri ini disunatkan untuk menjamah makanan terlebih dahulu walaupun sedikit sebelum keluar menunaikan solat sunat hari raya. Berdasarkan hadis dari Anas Bin Malik yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang menyebut:

"كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا

يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى يَأْكُلَ تَمْرَاتٍ".

Maksudnya : "Nabi SAW tidak keluar di pagi hari raya Aidilfitri sehinggalah Nabi ﷺ menjamah beberapa biji kurma". – Hadis Riwayat al-Bukhari (953)

## 3) MEMPERBANYAKKAN TAKBIR

Hari raya biasanya disambut dengan gema takbir sebagai cara untuk mengagungkan Allah dan menggambarkan syiar Islam. Takbir raya Aidilfitri bermula selepas terbenamnya matahari (maghrib) pada malam Hari Raya Aidilfitri sehingga takbiratulihram Solat Hari Raya. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 185:

﴿وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ

عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ﴾

Maksudnya : "Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu bertakbir atas petunjuk yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur."

Imam Ad-Dar Qutni ada menyebut bahawa : “Apabila Ibn Umar رضي الله عنه keluar di Hari Raya Aidilfitri, beliau akan berterusan bertakbir sehinggalah imam keluar untuk mengimamkan solat hari raya”. Oleh itu, umat Islam seharusnya janganlah terlalu menyibukkan diri dengan aktiviti persiapan raya sehingga meninggalkan sunnah bertakbir ini.

#### **4) MENGUCAPKAN SELAMAT DAN MENDOAKAN ANTARA SATU SAMA LAIN**

Ucapan yang menjadi amalan Rasulullah SAW dan para solihin yang mana sangat digalakkan ke atas kita untuk mengamalkannya ialah “Taqabbalallahu minna wa minkum” yang membawa maksud : “Semoga Allah menerima amalan kami dan amalan mu”. Namun, menjadi kebiasaan masyarakat kini mengucapkan “Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin” sesama mereka. Justeru itu, ia bukanlah menjadi satu masalah jika kita ingin menggunakan salah satu daripada sebuah riwayat :

"قَالَ وَائْتَهُ : لَقِيتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي يَوْمِ عِيدِ فَقُلْتُ لَهُ: تَقَبَّلَ اللَّهُ

مِنَّا وَمِنْكَ. قَالَ : نَعَمْ، تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكَ"

Maksudnya : Berkata Wathilah, Aku bertemu Rasulullah ﷺ pada hari raya dan aku katakan pada baginda “taqabballahu minna wa minka”, baginda menjawab : Ya, taqabbalallahu minna wa minka” – Hadis Riwayat al-Baihaqi.

#### **5) MEMAKAI PAKAIAN YANG TERBAIK**

Kita disunnahkan untuk memakai pakaian yang cantik dan indah ketika menyambut Aidilfitri. Akan tetapi, wanita hendaklah menghindari dari memakai pakaian yang mencolok mata dan tidak berlebih-lebihan ketika berhias diri.

Imam Syafie رحمته الله berkata: “Aku lebih menyukai seseorang memakai pakaian terbaik yang dimilikinya pada hari-hari raya, iaitu pada hari Jumaat, dua hari raya (Aidiladha dan Aidilfitri) dan tempat diadakan majlis (seperti majlis perkahwinan). Dia hendaklah memakai baju yang bersih dan memakai wangi-wangian”.

## 6) BERJALAN KAKI KE MASJID UNTUK MENUNAIKAN SOLAT AIDILFITRI

Berjalan kaki ke masjid untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri adalah lebih afdhal berbanding menaiki kenderaan. Walaupun begitu, perbuatan menaiki kenderaan untuk pergi ke masjid bukanlah satu larangan dan ianya dibenarkan. Hadis daripada Ali bin Abi Talib رضي الله عنه berkata :

"مِنَ السُّنَّةِ أَنْ تَخْرُجَ إِلَى الْعِيدِ مَاشِيًا، وَأَنْ  
تَأْكُلَ شَيْئًا قَبْلَ أَنْ تَخْرُجَ"

Maksudnya : Ali bin Abi Thalib رضي الله عنه :  
“Termasuk *sunnah*, iaitu engkau berjalan kaki menuju ke tempat solat hari raya dan memakan sesuatu sebelum pergi.” - Hadis Riwayat al-Tirmizi (437).

## 7) MENUKAR JALAN KE TEMPAT SOLAT KETIKA PERGI DAN BALIK

Disunnahkan juga untuk menggunakan jalan yang berbeza ketika pergi dan balik dari tempat solat. Ia berdasarkan hadis dari Jabir رضي الله عنه yang menceritakan bahawa :

"كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ  
يَوْمَ عِيدٍ خَالَفَ الطَّرِيقَ"

Maksudnya : “Nabi ﷺ biasanya menukar atau berbeza jalan pergi dan pulang apabila di hari raya”. -Hadis Riwayat Al-Bukhari (986)

## 8) BERZIARAH DAN MERAPATKAN UKHUWWAH SESAMA MUSLIM

Amalan ziarah-menziarahi merupakan amalan yang digalakkan agar dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama muslim tidak kira tua atau muda.

Nabi ﷺ pernah bersabda :

"مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُسْطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ ، وَأَنْ يُنْسَأَ  
لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحْمَهُ"

Maksudnya : “Barangsiapa yang suka untuk diperluaskan baginya rezekinya, dan ditangguhkan (dipanjang) umurnya, maka hendaklah dia menyambung (mengukuh) hubungan persaudaraannya”. - Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

## **KESILAPAN YANG SERING DILAKUKAN SEMASA HARI RAYA**

Antara kesilapan yang sering dilakukan oleh masyarakat Islam ketika menyambut Hari Raya ialah :

1. Meraikan hari raya secara berlebihan sehingga meninggalkan solat
2. Berlaku pembaziran ketika membuat persiapan untuk berhari raya akibat keterujaan yang melampau untuk meraikan Aidilfitri.
3. Melakukan perkara yang kurang beradab ketika aktiviti ziarah-menziarahi seperti bermain telefon bimbit semasa menziarahi saudara mara atau jiran tetangga.
4. Bersalaman secara fizikal antara lelaki dan perempuan bukan mahram untuk memohon maaf yang menjadi kebiasaan segelintir masyarakat kini yang perlu diubah kerana bercanggah dengan syariat Islam.
5. Batasan aurat dengan ipar duai tidak diendahkan khususnya semasa berkumpul bersama adik beradik ipar ketika berhari raya. Sebagai contoh, adik ipar perempuan perlulah menjaga auratnya semasa keberadaan abang iparnya di rumah.

6. Berhias diri secara berlebihan bagi wanita yang mana dapat menarik perhatian para lelaki bukan mahram. Kaum wanita sememangnya tidak lari daripada fitrahnya yang suka akan kecantikan. Oleh itu, segelintir daripada mereka gemar untuk berhias diri dengan memakai wangi-wangian dan bersolek. Ianya dibenarkan sekiranya dilakukan secara bersederhana, namun apabila dilakukan secara berlebihan, ianya ditegah dalam Islam.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, bergembira di hari raya adalah dibenarkan dan digalakkan oleh Rasulullah ﷺ dengan syarat kegembiraan itu mestilah dizahirkan dalam bentuk amalan-amalan yang diterima oleh Islam dan mengikut Sunnah.